



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMERS ORGANIZATION AUTHORITY MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA
Menara LPP
No. 20 , Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005 , 50990 KUALA LUMPUR



Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA PENGURUSI LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG MALAYSIA BERKAITAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN)

1. Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) merupakan kuasa tertinggi dalam hal ehwal bagi sesebuah Pertubuhan Peladang dalam memutuskan perkara-perkara yang mustahak bagi Pertubuhan Peladang meliputi dasar, belanjawan, penyata akaun dan kepimpinan di Pertubuhan Peladang.
2. Tahun 2019 ini merupakan tahun pemilihan di Pertubuhan Peladang di mana perwakilan-perwakilan akan mengundi bagi memilih barisan Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang akan memimpin dan menerajui Pertubuhan Peladang ke arah yang lebih dinamik dan progresif.
3. Pemilihan Barisan AJP akan dibuat semasa MAT dan pemilihan hendaklah dijalankan mengikut perundangan yang sedang berkuatkuasa.
4. Sehingga kini, keseluruhan 279 buah PPK di seluruh Malaysia telah selesai melaksanakan MAT. Seterusnya, sebanyak 14 buah PPN seluruh Malaysia sedang dan akan mengadakan MAT bagi tahun 2019 yang dijadualkan berakhir pada November 2019.
5. Saya selaku Pengerusi LPP menasihatkan agar semua perwakilan dan AJP yang terlibat dalam pemilihan di MAT PPN dapat menjalankan hak dan tanggungjawab mereka untuk mengundi dalam menentukan kepimpinan di PPN berlandaskan perundangan yang sedang berkuatkuasa.

LAHIR PELADANG PROGRESIF



6. Pelaksanaan pemilihan AJP merupakan mandatori bagi memastikan segala operasi dijalankan di PPN berjalan dengan lancar. Kegagalan PPN menjalankan MAT dengan sempurna ia secara langsung akan merugikan masyarakat Peladang keseluruhannya dan memberi kesan terhadap PPN antaranya (1) Segala urusan operasi akan terganggu terutama dalam urusan niaga yang dijalankan di PPN serta polisi-polisi tidak dapat dijalankan. (2) Selain itu, MAT PPN perlu dijalankan bagi memastikan segala peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dapat disalurkan kepada masyarakat Peladang. (3) Sekiranya MAT tidak dilaksanakan segala aktiviti dan program yang telah dirancang oleh PPN juga akan terganggu.
7. Kerjasama daripada semua pihak perwakilan diperlukan bagi memastikan segala operasi PPN tidak terjejas.

DATUK MAZLAN BIN ALIMAN

Pengerusi

Lembaga Pertubuhan Peladang

1 November 2019 (Jumaat)

Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

No. Telefon : 012-439 0773 (Mohd Hanifa bin Awang Su)

: 012-558 8792 (Norshida binti Baharuddin)

Email : korporat.lpp@lpp.gov.my